

20/10/1997

Ganda usaha pertahan Sungai Bakap: Dr Koh

BUKIT MERTA JAM, Ahad - Semua lapisan pemimpin Barisan Nasional (BN) diingatkan supaya tidak bersikap angkuh dan leka dalam persiapan mereka menghadapi pilihan raya kecil bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap pada 8 November ini.

Pengerusi BN negeri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata walaupun Sungai Bakap dikenal pasti sebagai kubu BN tetapi ahli parti mesti terus mempertingkatkan usaha untuk mempertahankan kawasan itu daripada terlepas ke pihak pembangkang.

"Kalau kita kalah, puncanya kita sendiri dan bukan orang lain," katanya ketika berucap di majlis makan malam perpaduan yang turut disertai kira-kira 3,400 ahli serta pemimpin parti komponen BN.

"BN mempunyai rekod pencapaian yang cukup baik di segi perkhidmatannya kepada rakyat kawasan ini dan di kawasan lain di negeri ini. Ini mesti dikekalkan kerana ia adalah teras kekuatan parti," katanya.

Turut serta di majlis yang dianjurkan oleh parti Gerakan bahagian Nibong Tebal itu, Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting dan Naib Pengerusi parti Gerakan negeri dan Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dr Goh Cheng Teik.

Di majlis yang sama, Koh yang juga Pengerusi parti Gerakan negeri, turut memperkenalkan calon BN bagi pilihan raya kecil kawasan itu, Lai Chew Hock.

Koh menegaskan, pemimpin dan ahli parti BN perlu mengekalkan pendekatan 'satu hati' yang diamalkan selama ini bagi menjamin kemenangan dalam pilihan raya kecil itu.

"Ini adalah strategi Gerakan dan juga BN. Pendekatan ini ternyata berkesan kerana kita tetap kukuh walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran," katanya.

Lai, 32, yang juga Timbalan Pengerusi Pemuda Gerakan negeri, dipilih sebagai calon berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan itu, Ooi Theng Bok, dalam satu kemalangan jalan raya pada 23 September lalu.

Sementara itu, Kerk yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, menyeru semua ahli dan pemimpin parti supaya mengukuhkan perpaduan demi kesejahteraan negara.

"Kita mesti terus memberi sokongan padu yang tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha beliau menangani krisis ekonomi sekarang.

"Inilah pesanan yang perlu disampaikan kepada seluruh lapisan masyarakat bagi memastikan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum yang sekian lama terjalin, akan terus kukuh demi masa depan yang lebih gemilang," katanya.

Sementara itu, DAP masih belum mengumumkan keputusannya berhubung pilihan raya kecil itu tetapi Pas sudah pun memutuskan tidak mencalonkan sesiapa dalam pilihan raya itu.

Bagaimanapun, seorang bekas guru, Abu Harith Ahmad, 40, memutuskan untuk bertanding sebagai calon bebas.

Hari penamaan calon bagi pilihan raya kawasan itu adalah pada 20 Oktober ini.

Kawasan itu mempunyai 16,589 pengundi berdaftar dan 48 peratus daripadanya Melayu diikuti Cina (36 peratus), India (16 peratus) dan lain kaum (satu peratus).

(END)